



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 7, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSA
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2586900
Fax : 03-2535150

KP (BS/HEP) 8543/041/(28)
10 Mei 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri,

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan,

Tambahan Kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/ 2000
Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan
Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah

Tujuan surat edaran ini ialah untuk memberi maklumat tambahan kepada Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000 supaya ianya lebih kemas dan lengkap.

2. Maklumat tambahan tersebut adalah seperti berikut:

2.1 Tanggungjawab Pengetua dan Guru Besar

- 2.1.1. Sentiasa memberi keutamaan dan peringatan mengenai keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar semasa berada di kawasan sekolah sama ada diluar atau dalam bilik darjah dan juga semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, aktiviti sukan dan kokurikulum di luar kawasan sekolah.
- 2.1.2. Memastikan pengurusan keselamatan dan kebajikan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, aktiviti sukan dan kokurikulum adalah tanggungjawab semua guru dan dilaksanakan secara kolaboratif

2.2 Tanggungjawab Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Guru Sukan dan Guru Kokurikulum

- 2.2.1. Merancang aktiviti dengan teliti dengan mengambil kira ruang dan alatan yang hendak digunakan itu selamat.
- 2.2.2. Mempunyai pengetahuan tentang prosedur kecemasan dan memastikan alat bantu mula yang secukupnya bila berlaku sesuatu insiden.
- 2.2.3. Mengadakan pelan kontijensi jika berlaku kecemasan dan kemalangan,
- 2.2.4. Sentiasa memberi peringatan secara lisan dan bertulis mengenai aspek-aspek keselamatan pelajar.

2.3 Tanggungjawab Ibu Bapa Melalui PIBG

Melalui PIBG, Pengetua dan Guru Besar dikehendaki mendapatkan kerjasama ibu bapa atau penjaga dalam perkara berikut

- 2.3.1 Mengawasi pergerakan anak-anak mereka, agar mereka hanya menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti dijadualkan,
- 2.3.2 Memberi kemudahan peralatan keselamatan dalam aktiviti tertentu yang disertai anak-anak mereka.
- 2.3.3 Memastikan keadaan kesihatan semasa anak-anak dalam keadaan baik sebelum dibenarkan anak-anak mereka mengikuti aktiviti yang diajukan oleh sekolah.
- 2.3.4 Mendapat bantuan doktor jika anak mereka mengidap penyakit yang tidak membolehkan anak mereka terlibat dalam sesuatu aktiviti dan memaklumkan secara bersurat kepada pihak sekolah tentang perkara itu.
- 2.3.5 Memastikan ibu bapa atau penjaga menandatangani surat kebenaran bagi anak-anak mereka yang mewakili sekolah dalam sebarang aktiviti di luar sekolah, daerah atau negeri.

2.4 Tanggungjawab Pelajar

- 2.4.1 Memaklumkan tentang kecederaan mereka kepada guru dengan segera,
- 2.4.2 Dilarang mengambil dan menggunakan peralatan tanpa kebenaran dan kehadiran guru.
- 2.4.3 Dilarang menyalahgunakan peralatan dan kemudahan sukan,
- 2.4.4 Memakai pakaian lengkap mengikut peraturan sesuatu permainan untuk keselamatan diri contohnya permainan Seni Pertahanan Diri/Bola Sepak/Hoki dan sebagainya.

2.5 Skim Perlindungan Diri

Sekolah diwajibkan mengadakan skim perlindungan diri untuk semua pelajar yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- 2.5.1 Seperti di Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000.
- 2.5.2 Kenderaan yang digunakan untuk membawa pelajar hendaklah dipastikan mematuhi syarat-syarat Jabatan Pengangkutan Jalan.
- 2.5.3 Kemalangan semasa mewakili sekolah atau daerah dan negeri.

2.6 Peralatan dan Penyenggaraan Peralatan

- 2.6.1 Stor mestilah sentiasa kemas dan tersusun.

2.6.2 Semua peralatan hendaklah direkodkan di dalam Buku Inventori.

2.7 Kawasan Larangan

2.7.1 Padang olahraga terutama dalam acara padang (contoh: acara Lontar Lembing, Cakera dan Tukul Besi).

2.7.2 Padang sasaran acara memanah

2.7.3 Kawasan-kawasan lain yang seumpunya yang membahayakan.

2.8 Aktiviti Sukan Kemahiran

Segala aktiviti seperti gimnastik, terjun abskaling dan lain-lain yang memerlukan kemahiran tinggi perlu diajar oleh guru atau jurulatih yang bertauliah.

2.9 Penggunaan Ubat-Ubatan dan Dadah

2.9.1 Penggunaan ubat-ubatan dan dadah di dalam sebarang aktiviti adalah dilarang sama sekali

2.9.2 Segala penggunaan ubat-ubatan dan dadah perlulah diperakukan oleh doktor.

2.10 Alat Bantu Kecemasan (ABK)

2.10.1 Memastikan ABK lengkap dengan alatan perubatan asas.

2.10.2 Memastikan ABK ditempatkan di tempat yang mudah diambil dan diketahui segera jika berlaku sebarang kemalangan.

2.10.3 Memastikan penggunaan alatan perubatan asas dalam ABK diawasi oleh pelajar atau guru yang mendapat latihan asas mengenainya.

3. Surat edaran ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat Pekeliling ikhtisas Bil. 9/ 2000 bertarikh 30 Mac 2000.

4. Sila maklumkan kepada Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan mengenai isi kandungan edaran surat ini.

Sekian. terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k

1. Y.B. Tan Sri Dato'Musa bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia.
2. Y.B, Dato'Abdul Aziz bin Sharnsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan.
3. Y.B. Dato'Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan.
4. Y. B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan.
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan.
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan.
9. Ketua Nazir Sekolah.
10. Pegawai Perhubungan Awam.